

Bismillahirrahmanirrahim.. Assalamualaikum
WBT.,

Salam Sejahtera,

Warga UTeM yang dikasihi sekalian,

Kempen Dekad Membaca Kebangsaan merupakan inisiatif yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dengan hasrat untuk menjadikan Malaysia, sebagai sebuah negara membaca menjelang tahun 2030.

Sebagai rakyat Malaysia, kita patut berbangga kerana pada tahun 2020, Kuala Lumpur telah diangkat oleh UNESCO sebagai Ibu Kota Buku Dunia. Matlamatnya amatlah jelas, iaitu untuk meningkatkan minat dan budaya membaca dikalangan masyarakat umum di samping memberikan akses perbukuan di Negara ini.

Dalam menyemarakkan lagi usaha murni ini, Perpustakaan Negara Malaysia dengan kerjasama Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri, Persatuan Pustakawan Malaysia, Majlis Pengarah-pengarah Perpustakaan Se-Malaysia Kementerian Pendidikan Malaysia dan Jabatan Pendidikan Negeri turut memperkenalkan **Program Jom Baca Bersama Untuk 10 Minit, atau, *Let's Read Together For 10 Minutes.***

Program yang mula diperkenalkan sejak 2014 ini dianjurkan bersempena dengan Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia yang disambut pada 23 April setiap tahun, yang juga selari dengan sambutan Earth Hour yang diraikan di seluruh dunia.

Program ini dilaksanakan serentak di seluruh Malaysia, bermula jam 11.00 pagi hingga 11.10 pagi.

Walaupun pelaksanaan program ini hanya menyasarkan durasi 10 minit sahaja, namun saya percaya, ianya dapat meningkatkan lagi tabiat dan budaya membaca di kalangan masyarakat di pelbagai peringkat usia dan bangsa.

UTeM, sebagai sebuah institusi pendidikan tinggi senantiasa menjadikan amalan membaca sebagai agenda utama, bagi memastikan warga Universiti ini menjadi masyarakat yang memiliki minda yang holistik, berfikiran kritis dan sentiasa keterhadapan – Always A Pioneer, Always Ahead.

Lebih banyak seseorang membaca, lebih banyak mereka dapat menerokai untuk membuka ruang pemikiran yang lebih kreatif.

Sir Roger Bacon pernah berkata “Read not to contradict or confute; nor to believe and take for granted; nor to find talk and discourse; but to weigh and consider.”

Membaca bukan untuk menerima keseluruhan informasi secara terus, tetapi membaca dengan menggunakan akal yang kritis.

Oleh itu, marilah kita sama-sama memberikan sokongan penuh terhadap penganjuran program ini. Lebih banyak kita membaca, lebih banyak kita dapat menerokai perkara baru yang akan membuka ruang pemikiran yang lebih kreatif dan inovatif, untuk pembangunan diri dan universiti yang tercinta.

Sekian, Terima kasih.